



SIARAN MEDIA

KPWKM LAKSANA 47 INISIATIF PELAN TRANSFORMASI KEMENTERIAN

KUCHING, 22 JUN – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melaksanakan 47 inisiatif Pelan Transformasi KPWKM 2014 hingga 2018.

Menurut Menteri, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, inisiatif ini adalah berdasarkan kepada empat pendekatan, iaitu projek berbentuk 'quick wins', jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Jelas beliau, kesemua perancangan tersebut adalah merupakan perancangan yang terkandung di bawah Pelan Transformasi KPWKM bagi tempoh pelaksanaan mulai tahun 2014 sehingga tahun 2018.

"Dari jumlah tersebut, sebanyak dua (2) buah projek telah pun selesai dilaksanakan, iaitu Pusat Sehati KPWKM (OSC) dan Aturan Kerja Anjal (FWA). Sebanyak tiga puluh tiga (33) buah projek (70.2%) pula masih dalam tindakan pelaksanaan yang merangkumi pelbagai kumpulan sasar," katanya sewaktu merasmikan Majlis Berbuka Puasa Sinar Ramadhan 2015 di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Adenan Satem, Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian.

Majlis anjuran KPWKM, diadakan bagi meraikan kumpulan sasar Kementerian turut dihadiri kira-kira 1000 orang dengan melibatkan 6 buah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak.

Rohani menambah, pelan transformasi ini juga adalah selaras dengan RMK-11 yang telah dibentangkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak yang menggariskan hala tuju baharu bagi membolehkan negara mencapai matlamat menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

"Oleh itu, Kementerian telah melaksanakan langkah pro-aktif dalam merangka pelan transformasinya bagi meletakkan landasan yang kukuh dan inovatif untuk menghala ke destinasi yang dituju," jelas Rohani.

Beliau berharap agar kesemua perancangan tersebut mencapai sasaran KPI dan memberi manfaat kepada lapan (8) kumpulan sasar di bawah bidang kuasa Kementerian, iaitu keluarga, wanita, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU), orang papa, mangsa bencana dan pertubuhan sukarela kebajikan.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, No.55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
No. telefon : 03-8323 1087
No. faks : 03-8323 2012
E-mel : info@kpwkm.gov.my